

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Thursday, November 1, 2018 9:48 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Nurul Nadiah binti Rusle
Subject: 525 PELAJAR PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM) HADIRI MAJLIS ANUGERAH DEKAN SEMESTER KEDUA SESI 2017/2018 (A172)



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

1 NOVEMBER 2018 | 20 SAFAR 1440H

=====

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

YANG BERUSAHA PROF. /PROF. MADYA / DR / TUAN/ PUAN

525 PELAJAR PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM) HADIRI MAJLIS ANUGERAH DEKAN SEMESTER KEDUA SESI 2017/2018 (A172)




SBM ONLINE: Majlis Anugerah Dekan bagi pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), UUM COB telah berlangsung dengan jayanya pada 30 Oktober 2018 yang lalu bertempat di DKG 2/1. Seramai 788 orang pelajar Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah mendapat PMS 3.50 dan ke atas bagi Semester Kedua 2017/2018 (A172). Daripada jumlah tersebut, 525 orang pelajar telah menghadiri majlis dwi tahunan tersebut.

Hadir merasmikan majlis ini mewakili Dekan SBM ialah Prof. Madya Dr. Abdul Halim Abdul Majid, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Beliau memulakan ucapannya dengan mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Sijil Dekan bagi semester A172. Dalam ucapan itu juga, beliau mengharapkan pelajar dapat menghayati dan menerapkan moto universiti **ILMU BUDI BAKTI** dalam kehidupan untuk terus berjaya di masa akan datang. Para pelajar juga dinasihatkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam program-program kemasyarakatan di dalam dan di luar kampus. "Pelajar mestilah mempunyai usaha sendiri dalam menyerlahkan potensi diri, meningkatkan keupayaan menguasai bahasa asing, menonjolkan sifat kepimpinan serta jati diri", Prof. Madya Dr. Abdul Halim.

Selain itu, pelajar juga disarankan untuk mempamerkan kualiti dan ciri pelajar atau bakal graduan yang mampu bersaing bukan sahaja di kalangan pelajar atau graduan lulusan dalam negara tetapi juga kompetitif di persada antarabangsa. Para pelajar turut digalakkan untuk mempunyai kehidupan yang berlandaskan panduan dan nilai hidup beragama. Turut hadir bersama ialah Dr. Kadzrina Abdul Kadir, Penyelaras Program Pentadbiran Perniagaan, Dr. Yaty Sulaiman mewakili Ketua Jabatan Pemasaran dan Dr. Azrain Nasyrah Mustafa mewakili Penyelaras Program Keusahawanan.

Sekian.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.